Waktu Solat Malaysia

02:36 pm

5 Mac 2025, Rabu 4 Ramadan, 1446 H

Kuala Lumpur

Imsak 06:06 am
Subuh 06:16 am
Zohor 01:27 pm
Asar 04:41 pm
Maghrib 07:28 pm
Isyak 08:37 pm

Luangkan Masa Unt
Kebaikan di Bulan Ramadan

Maybank Islamic

NASIONAL

# Wang Tak Dituntut cecah RM12.7 bilion

05 Mac 2025, 7:17am

1.2k Shares Share Tweet Share Email




*Foto hiasan*

**KUALA LUMPUR:** Jumlah baki Wang Tak Dituntut (WTD) yang direkodkan sehingga 31 Januari lalu, mencecah RM12.7 bilion.

Kementerian Kewangan memaklumkan bagi tuntutan WTD, individu atau waris yang berhak boleh mengemukakan permohonan secara dalam talian di laman sesawang https://egumis.anm.gov.my/ atau hadir ke kaunter Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) di setiap negeri.

Kaedah semakan dan tuntutan boleh dirujuk di portal eGUMIS JANM atau kaunter JANM.

ADVERTISING

Kementerian berkata, JANM mengambil pelbagai langkah untuk memaklumkan mengenai WTD kepada pemilik atau waris, antaranya kempen kesedaran menerusi taklimat dan reruai yang dilaksanakan di program kerajaan dan swasta, seperti Program Madani Rakyat, hari terbuka dan hari pelanggan jabatan kerajaan serta di tempat awam.

“Ini bagi membolehkan orang ramai membuat semakan, sama ada mereka mempunyai wang yang masih belum dituntut.

“Sehingga 2024, sebanyak 158 reruai dan program kesedaran diadakan di seluruh Malaysia untuk memaklumkan orang ramai mengenai kewujudan WTD dan kaedah menuntutnya,” katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat.

Kementerian menjawab soalan S Kesavan (PH-Sungai Siput) mengenai jumlah terkini WTD dan proses menuntut wang itu serta langkah diambil kerajaan untuk memaklumkan mengenai WTD kepada pemilik atau waris mereka.

Pada masa sama, Kementerian Kewangan, berkata JANM turut mengadakan taklimat secara dalam talian kepada agensi kerajaan dan swasta bagi menerangkan kaedah semakan dan tatacara permohonan tuntutan WTD.

Selain itu, turut dilaksanakan perluasan perkhidmatan Kaunter Semakan dan Bayaran Balik WTD dan hebahan berkala melalui saluran televisyen nasional.

***Ikuti sekarang! WhatsApp Channel rasmi Buletin TV3 untuk berita terkini setiap masa.***

## BERITA BERKAITAN



NASIONAL

**6 petugas radio selesai beri keterangan di Bukit Aman**

20 minit yang lepas



NASIONAL

**Cadangan jawatankuasa peringkat tertinggi teliti isu nelayan…**

43 minit yang lepas



NASIONAL

**Peter Anthony hilang kelayakan sebagai ADUN secara automatik…**

sejam yang lepas



NASIONAL

**Pelajar hisap vape boleh dibuang sekolah jika ulangi kesalahan**

sejam yang lepas

Alleviate dark spots! A super-hit serum from Japan
Alleviate dark spots! A super-hit serum from Japan
japonelifeskeem | Sponsored

Learn More